

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]**

**TARIKH : 31.10.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada guru-guru yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dibenarkan untuk menyertai parti politik pilihan mereka sendiri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) perlu patuh kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (kelakuan dan tatatertib) (pindaan) [P.U.(A)250/2010 yang membenarkan PPP Siswazah gred 41 hingga gred 48 yang bertugas di institusi pendidikan KPM untuk terlibat dalam aktiviti politik dengan syarat tidak menjejaskan tugas hakiki serta mendapatkan kelulusan daripada Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD  
ZOHDI [SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2017  
(SELASA)**

**SOALAN : 15**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan program Lampu Jalan Kampung (LJK) yang dilaksanakan oleh Kementerian dan berapakah jumlah sasaran kampung di seluruh negara yang akan menikmati bantuan Kerajaan ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Kementerian telah mula dilaksanakan sejak Fasa 1 pada Tahun 2002 sehingga Fasa 8 bagi Tahun 2017 bagi Semenanjung dan Sabah, dan sehingga Fasa 6 bagi Sarawak.

Sehingga 13 Oktober 2017, sebanyak 376,550 unit LJK telah dipasang di seluruh negara, melibatkan 304,677 unit di Semenanjung Malaysia, 37,924 unit di Sabah dan 33,949 unit di Sarawak.

Bagi pelaksanaan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Tahun 2017 ini juga, Kementerian mensasarkan jumlah kampung yang akan menerima manfaat daripada pelaksanaan program ini adalah sekurang-kurangnya 12,000 buah kampung.